

NEKAD

Mengubah Destini
dengan Izin-Nya



MANSOR AHMAD • NORMAH OMAR



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERSILU BERTAMBAH

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



TDA
FOC

NEKAD

Mengubah Destini
dengan Izin-Nya

Teristimewa untuk Tun Mahathir
moga sentiasa dalam perlindungan
Allah S.W.T





NEKAD

Mengubah Destini
dengan Izin-Nya

MANSOR AHMAD • NORMAH OMAR



Penerbit Universiti Putra Malaysia
Serdang • 2024



PUSTAKA PERDANA



1013677

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2024

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Rupa taip: Gramond Premier Pro

Saiz taip: 12/16 pt

Reka bentuk kulit: Muhammad Arif Sambudin

Reka bentuk dan Reka letak teks: Sahariah Abdol Rahim @ Ibrahim

Fotografi: Mansor Ahmad, Normah Omar dan Muhammad Ezham Hussin

Dicetak oleh

Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.

No. 12, Jalan 4/118C

Desa Tun Razak

56000 Cheras, Kuala Lumpur

Diterbitkan oleh

Penerbit Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8946 8851/8429

Faks: 03-8941 6172

Emel: penerbit@upm.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7590-98-1

ISIKANDUNGAN

Bicara Penulis	ix
Sekalung Bicara	xi
Sekapur Sirih	xv
Dedikasi	xix
Autograf	xx
Prolog: Allah Sebaik-baik Perancang	xxiii


MANSORAHMAD

Bab 1	TEMPAT JATUH LAGI DIKENANG	1
	Gurun dan Jalan Kereta Api	2
	Lompat, Jangan Tak Lompat	8
	Kisah Ular dan Lembu Sekawan	12
	Tuisyen vs Rotan	15
	Bahulu Mak	20
Bab 2	MENGENAL DIRI DAN HURUF	26
	Anak Manja, Cucu Kesayangan	27
	Pohon Kenangan	32
	Antara Dua Pilihan	36
	Muafakat Memberi Bahagia	42
	Membina Jati Diri	48

Bab 3	MENARA GADING IMPIAN KU	55
	Satu Penantian	56
	9.00 Malam yang Serabut	60
	<i>"You Have to Run!"</i>	64
	Di Mana Bumi Dipijak	69
	Hujan Emas	74
Bab 4	PERTEMUAN DAN PEMERGIAN	82
	Tepak Sirih Bertukar Tuan	83
	Hendak Seribu Daya	88
	Pemergian yang Mengejut	92
	Sungguh, Saya Rindu Ayah!	97
Bab 5	UJIAN TANDA KASIH-NYA	103
	Pemimpin dan Pengorbanan	105
	Dah Hantar Borang ke?	111
	Profesor Oh Profesor!	115
	Berilmu Berbakti	120
Bab 6	SEMANGAT MASIH MEMBARA	128
	Bukan Anugerah yang Dicari	129
	Hadiah Kiriman Tuhan	136
	Api Nan Tak Kunjung Padam	141
	NORMAH OMAR	
Bab 1	BERMULANYA DI SINI	149
	Ulu atau Hulu?	151
	Monumen Kasih Abah	156
	Bagai Gadis Jolong Menumbuk	159
	Bukan Salah Siput dan Kijing	164
	Kasih dan Kasihan	168
	Bagai Lilin Membakar Diri	173

Bab 2	KESUKARAN SEBELUM KEMUDAHAN	178
	Hanya Sebelas Ringgit	179
	<i>"My Name is Hak!"</i>	185
	Kekalahan yang Memenangkan	190
	Apa Pilihan yang Ada?	196
Bab 3	DI SINI BANYAK PENGAJARANNYA	201
	Semangat Anak Muda	202
	Panggilan yang Dinanti	209
	Selamanya Di Hatiku	212
	Lambaian Empat Musim	216
	Kejutan Budaya	221
Bab 4	MOMEN-MOMEN INDAH	228
	Di Sepertiga Malam	229
	Mentua vs Menantu	235
	PhD 2-2 Permulaan yang Penuh Cabaran	243
	PhD 2-2 Perjalanan yang Indah	248
	Menyantuni Bondaku	254
Bab 5	ITU PILIHANKU	261
	Anak-anak Menagih Kasih	263
	Jawatan Pentadbiran	269
	Hikmah Di Sebalik Ujian	275
	2003 yang Bermakna	281
Bab 6	MENUJU PUNCAK KERJAYA	288
	Impian Itu Percuma	290
	Pecahkan Ruyung untuk Sagunya	295
	Aksara yang Tersirat	302
	Bintang Kejora	310
	Epilog: Empat Dekad Nan Indah	319

ITM



*Kisah kami sama seperti
cerita kupu-kupu cantik.
Bermula dengan seekor ulat
terpaksa bekerja keras untuk
keluar dari kepompong
yang sempit. Apabila
proses metamorfosis
berakhir, lahirlah kupu-
kupu yang cantik dan
mempunyai sayap yang
kuat untuk terbang tinggi.*



- BICARA PENULIS -

Kehidupan ini penuh warna warni. Ibarat putaran roda; suka, duka, susah dan senang memang asam garam yang mesti ditempuhi. Dalam buku **NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya**, dikongsikan kisah kami. Dua insan kerdil, berlainan latar belakang dan dengan pengalaman hidup yang berbeza. Namun mempunyai persamaan tekad, untuk mengubah destini, dan membawa keluarga masing-masing keluar dari kancah kemiskinan.

Kisah kami sama seperti cerita kupu-kupu cantik. Bermula dengan seekor ulat terpaksa bekerja keras untuk keluar dari kepompong yang sempit. Apabila proses metamorfosis berakhir, lahirlah kupu-kupu yang cantik dan mempunyai sayap yang kuat untuk terbang tinggi.

Begitu juga dengan kami. Banyak ujian perlu dilalui. Ujian miskin, ujian kematian, ujian kesihatan, ujian membesarkan anak-anak, ujian menjaga ibu bapa yang sakit, ujian fitnah dan ujian membina karier. Mengeluh, berputus asa dan menyerah kalah kadang-kadang merupakan opsiyen mudah sebagai pilihan.

Namun, kami percaya dan yakin dengan perancangan-Nya. Sesungguhnya, di akhir setiap kesukaran, ada kemudahan disediakan. Insya-Allah.

Semoga kisah kami menjadi inspirasi untuk sahabat handai dan anak cucu yang dikasihi. Walau apa ujian yang dihadapi, pasti ada jalan keluar. Yakinlah, mohon daripadaNya...

Mansor Ahmad & Normah Omar





**DATIN PADUKA SETIA
DATO' DR. AINI IDERIS
PRO-CANSELOR**

International Medical Universiti (IMU)

Mantan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia

- SEKALUNG BICARA -

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang merakamkan sepatah dua kata dalam buku **NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya** yang benar-benar telah menyentuh hati dan perasaan saya. Dr Mansor dan Dr Normah telah berkongsi kisah hidup semasa kecil, pengalaman persekolahan dan pengajian tinggi serta cabaran keluarga dan kerjaya mereka. Banyak kisah mereka yang boleh dijadikan sebagai pedoman, terutama kepada pasangan keluarga muda yang meniti kehidupan kini yang semakin mencabar. Kedua-dua mereka telah berjaya dalam kerjaya masing-masing dan dapat mendidik anak-anak untuk mencontohi mereka.

Mereka berdua adalah pasangan ahli akademik yang banyak berjasa bukan saja kepada institusi tempat kerja masing-masing, malah di peringkat negara dan antarabangsa. Saya mengenali Dr Mansor sejak dia mula aktif dengan pelbagai aktiviti di UPM, pada awal tahun 1995, terutama dalam Persatuan Pegawai Akademik (PPAUPM) dan semasa bersama menerajui Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM (CoSComm), sekarang dikenali sebagai Pusat Strategik dan Komunikasi Korporat (PSPK). Dr Mansor telah menyumbang bakti di pelbagai pusat tanggung jawab dalam UPM selama hampir 40 tahun (1983 – 2022), satu tempoh masa yang lama. Penglibatan beliau bukan sahaja dari segi tugas hakiki akademik; pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional, tetapi beliau juga aktif dalam aktiviti kebajikan dan sosial melalui persatuan, koperasi, badan ikhtisas dan terlibat dengan program penggalakan sains & teknologi. Beliau adalah anak petani dari kampung, menggembara ke seluruh pelusuk dunia menimba ilmu dan pengalaman yang dimanfaatkan dalam kerjaya dan kehidupan.

Perkenalan saya dengan Dr Normah adalah melalui program-program di Kementerian Pengajian Tinggi, di mana dia banyak terlibat dengan pengauditan dan akreditasi IPTA. Beliau membesar di kampung dalam keluarga yang serba kekurangan setelah kehilangan bapa pada umur 9 tahun, dan dibesarkan oleh ibu tunggal yang mencari rezeki dengan membanting tulang empat kerat. Pengalaman hidup susah telah mendorong beliau untuk berusaha dengan gigih dari kecil untuk menerobos kepompong kemiskinan. Dr Normah mengamalkan tiga prinsip pertama dalam buku Stephen Covey: *7 Habits of Highly Effective People*, iaitu (i) *be proactive*, (ii) *begin with the end in mind*, dan (iii) *put first things first*. Perjalanan usaha gigih Dr Normah berjaya memimpin kumpulan penyelidik biasa ke arah satu entiti penyelidikan yang menerajui nic baru *Islamic Financial Criminology* di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI). ARI seterusnya diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Tinggi Negara atau *Higher Institutions Centre of Excellence (HICoE)* oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2009. Satu pencapaian yang sangat mengagumkan.

Banyak perkongsian dalam buku ini adalah cerita peribadi yang sebelum ini tidak diketahui oleh rakan-rakan sejawatan, malah ahli keluarga mereka sendiri. Mereka berasal dari dua tempat yang berbeza, tetapi telah melalui kisah kehidupan yang hampir serupa. Saya tidak dapat bayangkan bagaimana seorang anak perempuan berumur 13 tahun (lebih 50 tahun yang lalu) pergi berjumpa dengan Pegawai Daerah sendirian untuk mengadu nasib dan memohon bantuan bagi meneruskan persekolahan menengah. Nekad untuk keluar dari kepompong kemiskinan telah mendorong beliau untuk melakukan sesuatu yang luar biasa. Pengalaman mereka berdua bersama-sama mengatasi cabaran semasa menjalani pengajian PhD dapat diambil ikhtibar oleh sesiapa yang ingin melalui perjalanan yang sama. Kejayaan dalam kerjaya banyak memerlukan usaha gigih dan kesabaran, disamping sokongan pasangan serta doa restu ibubapa.


Perkongsian pengalaman mereka membesarkan anak-anak dengan pelbagai cabaran masing-masing dapat dicontohi pembaca yang berkeluarga. Itulah antara cerita yang mereka kongsi dalam buku ini, pasti semua pembaca akan dapat manfaat daripada kisah yang dicoretkan. Bagi ahli akademik, penilaian prestasi dinilai melalui 5 skop utama; pengajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat dan pentadbiran. Cerita yang dikongsi menunjukkan mereka telah berjaya dalam kerjaya dengan cemerlang, tapi bukan tanpa dugaan dan halangan. Kegigihan yang ditunjukkan boleh dicontohi oleh ramai pembaca yang bekerjaya.


NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya adalah kompilasi cerita dan pengalaman serta perjalanan hidup Prof Mansor dan Prof Normah. Saya bertuah dan berterima kasih kerana telah dipilih oleh kedua sahabat saya ini, untuk melakarkan sekalung bicara dalam buku yang mengandungi perkongsian ikhlas mereka, agar dapat dimanfaatkan oleh ramai.

Datin Paduka Setia Dato Dr Aini Ideris

Pro-Canselor International Medical University (IMU)

Mantan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia





**PROFESOR EMERITUS TAN SRI
DR ANUWAR ALI**
Mantan Pengerusi,
Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Universiti Putra Malaysia

- SEKAPUR SIRIH -

Alhamdulillah, pertamanya saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah kerana diberikan kesempatan untuk membaca manuskrip buku **NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya**. Saya juga berterima kasih kerana telah diberikan penghargaan dan kepercayaan oleh kedua-dua pengarang bagi menulis kata pengantar untuk buku pertama mereka secara bersama. Saya menganggap penulisan yang berasaskan pengalaman hidup dua cendekiawan ini merupakan pengetahuan tersirat atau *tacit knowledge* yang berguna, dan boleh dijadikan pedoman penting oleh pembaca, terutama dari kalangan anak-anak muda, dan mereka yang ingin mendapatkan inspirasi kehidupan, bila melalui pelbagai ujian dan dugaan.

Apakah pilihan yang ada bila dibelenggu dengan ujian dan dugaan? Berputus asa, hidup dalam kesedihan dan kemurungan? Atau bangun, belajar dari dugaan, berusaha dan berdoa kepada Allah semoga dipermudahkan jalannya? Percayalah, pasti ada kemudahan selepas setiap kesukaran yang kita lalui. Saya teringatkan petikan kata-kata pengarang motivasi terkenal, John C. Maxwell yang berbunyi, "*A wise person learns from his mistakes. A wiser one learns from others' mistakes. But the wisest person of all learns from others' successes.*" Belajarlah dari ujian dan kejayaan pasangan penulis ini, semoga anda semua akan lebih berjaya, Insya-Allah.

Saya telah mengenali Dr Mansor selama lebih 20 tahun. Seorang ahli akademik yang berkaliiber dan prolifik, hingga diiktiraf sebagai salah seorang World Top 2% Scientists. Ini satu pencapaian yang sangat membanggakan negara. Namun, saya lebih mengenali beliau sebagai seorang yang sangat gemar berpesatuan dan aktif melibatkan diri dengan banyak badan profesional dan industri, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menerajui Persatuan Pegawai Akademik UPM, dan Felo Akademi Sains Malaysia.



Walaupun kedua-dua penulis mempunyai pengalaman dan latar belakang keluarga yang berbeza, Allah telah rencanakan beberapa persamaan yang menarik. Penceritaan yang sangat menarik. **NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya** menggambarkan kemahuan yang kuat kedua-dua penulis untuk mengubah sesuatu keadaan. Mengeluarkan keluarga masing-masing dari kancah kemiskinan merupakan motivasi peribadi mereka untuk terus berjaya.

Saya akhiri Sekapur Sirih ini dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr Mansor dan Dr Normah di atas usaha murni mereka untuk menghasilkan buku yang amat bermakna ini.


Profesor Emeritus Tan Sri Dr Anuwar Ali
Mantan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Putra Malaysia



- DEDIKASI -

Kisah ini dikongsikan untuk warisan anak, menantu, cucu, keluarga besar kami, sahabat handai dan pembaca budiman. Dedikasi khas untuk anakanda Nurulhuda, Zainab (arwah), Munirah, Nur Shuhadah, Muhammad Arif, Akzal, Zhafri, Bazli, Brittnay, dan cucunda Ezra Elyas, Soraya Nuhaa, Muhammad Hadif, Elyan Eusuff, Hamzah, Edry Eshaq, Muhsin, dan Nur Naira.

Terima kasih semua atas sokongan, kasih sayang dan doa yang sentiasa diberi untuk kami. Semoga jalinan ini hingga ke syurga Firdaus, Insya-Allah.



- AUTOGRAF -







Prolog

ALLAH SEBAIK-BAIK PERANCANG

“Why not you tulis buku?” Mansor tiba-tiba memberi cadangan pada Normah usai menghidangkan sarapan pada pagi itu. Mendengar cadangan daripada Mansor, Normah sedikit terkejut.

“Tulis tentang apa? I tulis buku ilmiah okey. Tulis buku cerita, *out!*”

“Tulis tentang hidup dan pengalaman kehidupan kita. Kongsi bagaimana kita berjaya dalam karier dan proses mendidik anak-anak.”

“Eh, ada ke yang hendak membacanya?” tanya Normah dengan nada kurang percaya, sambil perlahan-lahan menyuap mi goreng yang dimasak pagi tu.

“Who knows? You have great experiences. Kesusahan dan tekad you untuk keluar dari kemiskinan boleh menjadi inspirasi kepada orang lain.”

“Your story also inspired other people. We should write together!”

“We?”

“Yes!”

Itulah perbualan setahun yang lalu di mana telah menjentik dan memberi inspirasi untuk kami mula dan siapkan buku **NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya**. Ada waktu, mengait setiap kenangan untuk menjadi cantuman memori indah kehidupan. Pada usia yang semakin bertambah, ada khazanah bertulis yang perlu ditinggalkan. Bukan sahaja untuk anak-anak kami, malah untuk semua, agar memberi inspirasi supaya terus berjaya tanpa pandang ke belakang lagi.



“Dan Tuhanmu menciptakan apa yang dirancangkan berlakunya dan Dialah juga yang memilih (satu-satu dari makhluk-Nya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan); tidaklah layak dan tidaklah berhak bagi sesiapaupun memilih (selain dari pilihan Allah). Maha Suci Allah dan Maha Tinggiilah keadaan-Nya dari apa yang mereka sekutukan dengan-Nya.”

Surah al-Qasas. Ayat 068.

“You, manuskrip dah siap!”


“Alhamdulillah. Allah sebaik-baik perancang. Allah tidak melewatkan atau mempercepatkan sebelum sampai waktunya. Dan sekarang, inilah masanya.”

“You semak dulu sebelum kita hantar untuk layout dan design. *Seriously I* tak sabar nak sebarkan kebaikan dan inspirasi yang *I* dan *you* tulis ni. Moga ada yang dapat ambil iktibar untuk terus berjaya. *After all, it’s just a decision.* Dan mungkin mereka boleh lebih berjaya daripada kita kan?”

Dengan penuh kesyukuran, Normah menghulurkan manuskrip yang dicetak bersaiz A4 untuk dibaca semula.

“Senang baca yang bercetak ni. Boleh tengok *flow of thoughts* dengan jelas. Nanti *you* conteng je kat tepi untuk *editing*.” Perasaan teruja itu tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Mansor menyambut manuskrip dengan perasaan yang sangat puas. Segalanya telah tercatat di dalamnya.

‘Ya Allah, bantulah kami. Permudahkanlah urusan penerbitan buku kami ini andai ini adalah yang terbaik, andai ini dapat memberi kebaikan kepada yang membaca di luar sana.’ Mansor bermonolog dalam hati sambil membuka helaian pertama...



MANSOR AHMAD

“Masa lalu memang menyimpan banyak kenangan, namun itu bukan alasan untuk tidak terus melangkah ke depan.”





Bab 1

TEMPAT JATUH LAGI DIKENANG

“Kampung Guar Nenas dan landasan kereta api sangat sinonim dengan kami. Di sinilah tempat kami bermain, belajar bersosial dan memperoleh perkembangan fizikal yang sempurna. Perkara-perkara yang kami lakukan bersama alam telah banyak mendewasakan kami.”

GURUN DAN JALAN KERETA API

Siapa yang tidak kenal negeri “jelapang padi” Malaysia? Ya, sudah pasti negeri kesayangan saya, Kedah Darul Aman. Tidak semua kawasan di negeri ini dipenuhi dengan sawah padi. Kampung saya, Guar Nenas, sebuah perkampungan kecil, terletak di mukim Gurun, juga berhampiran pekan Gurun, Daerah Kuala Muda. Melihat perkataan ‘gurun’ pasti ada yang membayangkan kawasan gersang dan kering. Sebenarnya mukim ini tidaklah begitu keadaan geografinya.


Sebaliknya, Gurun merupakan kawasan yang subur berhampiran dengan Gunung Jerai, sebuah kawasan peranginan yang cantik dan terkenal di negeri Kedah. Selain sawah padi, terdapat komoditi-komoditi penting lain seperti getah dan kelapa sawit subur ditanam di sini.

“Gurun dan jalan kereta api” memang sering dikaitkan antara satu sama lain. Pembinaan jalan kereta api di Gurun telah membahagi dan “membelah-dua” sekurang-kurangnya tiga kampung di mukim Gurun: Kampung Guar Nenas, Kampung Guar Jumaat dan Kampung Pulau Chengai. Kampung-kampung yang asalnya “satu” telah “terbelah-dua”, masing-masing di sebelah kiri dan kanan jalan kereta api. Kampung-kampung ini tidak dihubungkan dengan pembinaan jambatan-jambatan tinggi oleh kerajaan pada ketika itu.

Landasan kereta api mukim Gurun ini tidak berpagar. Rata-rata, penduduk kampung menggunakan jalan kereta api sebagai alternatif untuk ke pekan Gurun dan kampung-kampung berdekatan lain. Anak-anak juga menggunakan jalan kereta api untuk ke sekolah tanpa menghiraukan risiko kemalangan yang boleh berlaku. Seingat saya, tidak pernah berlaku kemalangan jiwa. Jika jalan kereta api tidak diguna, penduduk setempat perlu melalui lorong-lorong kecil di antara kebun getah dan sawah padi yang jaraknya lebih jauh untuk ke destinasi.

Pekan kecil Gurun lengkap dengan kemudahan awam lain seperti sekolah rendah dan menengah, masjid, Mahkamah rendah, balai polis, klinik kesihatan, kilang getah, kilang padi, pasar basah serta pasar kering. Di kedua-dua belah jalan besar pekan Gurun terdapat deretan rumah kedai lama dan masih wujud hingga kini, yang menjual pelbagai jenis barangan keperluan penduduk kampung.

Kampung Guar Nenas terletak lebih kurang dua batu (3 km) dari pekan Gurun. Kampung kecil ini menempatkan lebih kurang 50 keluarga, yang rata-rata mengenali antara satu sama lain. Suasana Kampung Guar Nenas pada tahun 60-an dan 70-an sangat tenang, aman dan damai. Selain pokok getah terdapat juga petak-petak sawah padi yang menghijau saujana mata memandangi.



Pemandangan Gunung Jerai yang terletak berhampiran dengan Kg. Guar Nenas. Jalan menaikinya hanya 1 km dari rumah kami.

Rumah tok wan dan tok (sebelah ayah) terletak di Kampung Guar Jumaat, di seberang jalan kereta api dari rumah kami. Jalan yang paling hampir untuk saya ke rumah tok wan ialah dengan melintas jalan kereta api melalui beberapa lorong kecil di belakang rumah kami. Jaraknya tidak sampai setengah batu.

Hampir setiap hari, jalan inilah yang sering saya lalui untuk ke rumah mereka atau ke sekolah rendah.

Saya dilahir dan dibesarkan di kampung yang rata-rata penduduk di sini bekerja sebagai penoreh getah, petani dan juga pesawah. Saya adalah anak ke empat daripada tujuh beradik, yang “diapit” oleh dua abang (Rahman dan Hasshim), seorang kakak (Faridah) dan tiga adik perempuan (Fatimah, Norsiah dan Norhamiyah). Perbezaan umur saya dengan adik Fatimah ialah enam tahun, menjadikan saya “anak bongsu” keluarga selama beberapa tahun.

Tidak banyak yang dapat saya imbau pengalaman zaman kanak-kanak di kampung Guar Nenas. Hanya setakat zaman bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan (P) Gurun. Selepas itu saya keluar dari kampung untuk jangka masa yang agak panjang. Ke sekolah berasrama penuh SDAR selama enam tahun dan melanjutkan pelajaran di universiti-universiti di Amerika Syarikat selama tujuh tahun. Sekembalinya dari luar negara, saya terus bekerja di luar negeri Kedah. Saya hanya pulang ke kampung pada masa cuti sahaja.



Jalan kereta api berdekatan dengan rumah ayah & mak di Kg Guar Nenas. Jalan di atas adalah laluan untuk penduduk ke Pekan Gurun.


Dari kecil, saya melihat ayah dan mak membuat pelbagai kerja seperti menoreh getah, menanam padi, berkebun sayur dan jagung, menernak lembu dan kerbau dan membela ayam.

Ayah dan mak, bak merpati sejoli. Selalu membuat semua kerja bersama, seperti kata pepatah, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”. Ke mana ayah pergi, mak pasti pergi bersama. Begitulah akrabnya ayah dan mak. Setiap pagi selepas subuh mak dan ayah bersiap sedia untuk pergi menoreh getah. Mereka mengayuh basikal dalam gelap demi mencari rezeki. Sebelum saya bersekolah, saya dijaga oleh tok dan selalu sahaja duduk di rumahnya pada siang hari.

Kemudian, apabila adik Fatimah lahir, Kak Faridah telah berhenti sekolah dan menjaga kami berdua di rumah. Ayah dan mak pulang dari menoreh sekitar pukul 1.00 tengah hari selepas menghantar susu getah ke kilang getah untuk proses seterusnya. Tugas mereka berhenti di situ untuk pengiraan upah. Selesai makan tengah hari dan solat zohor, ayah dan mak akan ke sawah dan kebun sayur untuk menguruskan tanaman padi atau jagung. Kami (anak-anak) turut ke sawah semasa cuti sekolah. Sebagai anak kecil, saya hanya dapat berjumpa ayah dan mak di waktu maghrib apabila saya balik dari sekolah.

Pada tahun 70-an, apabila ayah dan mak menoreh di kebun sendiri, susu getah tidak lagi dihantar ke kilang. Sebaliknya proses membeku, memesin dan mengering getah dilakukan sendiri kerana harga jualan getah keping yang dikeringkan adalah lebih tinggi. Keadaan ekonomi keluarga kami agak sederhana sahaja. Ayah seorang yang suka menabung dan mengurus kewangan dengan baik. Hasrat ayah, supaya dia mampu membeli aset, atau menambah beberapa ekor lagi binatang ternakan seperti lembu dan ayam bila ada rezeki lebih dan keadaan mengizinkan.

“Ada lebih duit sikit kali ni, rasanya aku nak beli motor. Senang kita nak pi mana-mana.” Saya terdengar ayah memberitahu mak semasa mereka minum pagi hari tersebut.



Sekitar tahun 1969, ayah telah membeli sebuah motosikal Honda model C65. Di dalam Kampung Guar Nenas, ayah antara orang pertama memiliki motosikal. Motosikal itu banyak jasanya sebagai pengangkutan utama ayah untuk menguruskan tugas-tugas penting yang memerlukan beliau ke luar kawasan. Walaupun tidak berpelajaran tinggi, saya kagum dengan ayah yang sentiasa berpandangan jauh. Mak pula sentiasa memberi sokongan padu kepada ayah dalam semua aspek. Alhamdulillah.


Saya memang rapat dengan tok wan dan Kak Faridah. Mereka yang selalu menjaga saya bila mak dan ayah bekerja. Amaran Kak Faridah masih terngiang-ngiang di telinga,

“*Hang* jangan pi mandi sungai sorang-sorang. Kalau *hang* jatuh, aku yang kena marah!”

Walaupun saya hanya sempat bersekolah rendah di kampung momen-momen tersebut sangat indah. Daripada sentiasa “diawasi” oleh tok wan dan Kak Faridah di rumah, saya dibenarkan berjalan kaki ke sekolah. Ianya satu “kebebasan” besar buat saya.

Seperti kawan-kawan sebaya lain, saya teringin melakukan perkara-perkara lasak seperti terjun dan mandi sungai, melastik burung dan bermain bola di kebun getah berdekatan. Bermain-main di atas landasan kereta api juga merupakan satu “hobi” dan kami sering berlumba untuk menyelamatkan diri apabila kereta api tiba.

Itulah nostalgia hidup saya sebagai salah seorang kanak-kanak di kampung. Kampung Guar Nenas dan landasan kereta api sangat sinonim dengan kami. Di sinilah tempat kami bermain, belajar bersosial dan memperoleh perkembangan fizikal yang sempurna. Perkara-perkara yang kami lakukan bersama alam telah banyak mendewasakan kami.



Stesen kereta api Gurun pada tahun 1970an, enam tahun menjadi perhentian setiap kali balik bercuti dari SDAR

Walaupun ayah dan mak sentiasa sibuk bekerja mencari rezeki, saya mempunyai *support system* yang kuat, bukan hanya daripada keluarga terdekat, malah daripada semua warga Kampung Guar Nenas. Pasti saya tidak akan terlepas dari radar pengawasan ayah jika saya melanggar sesuatu “perintah larangan”, kerana ada saja aduan dan laporan yang diterima daripada orang kampung. Gurun, Kampung Guar Nenas dan jalan kereta api, tetap menjadi kenangan indah bagi saya walaupun merantau di pelbagai pelusuk dunia.



Stesen bas dan teksi pekan Gurun pada tahun 1970an. Sekarang sudah dijadikan pasaraya. Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) telah menyaksikan Gurun tidak sibuk seperti dahulu.

LOMPAT, JANGAN TAK LOMPAT

Sebelum bersekolah, menginjak usia empat hingga lima tahun, saya sering kali mengikut tok wan ke bendang.

“Mansot, jom pi bendang ikut tok wan. Bawak bekai, takut lapaq nanti.” Hampir setiap hari saya menunggu pelawaan tok wan ini.

Bermain dengan kawan-kawan sebaya di kawasan bendang dengan pengawasan tok wan, sangat menyeronokkan. Setiap pagi, semasa ayah dan mak menoreh, tok wan akan mengambil saya dari rumah dan kami bersama-sama berjalan kaki ke bendang. Orang kampung dan kawan-kawan memanggil saya dengan panggilan “Chot”. Ayah dan tok wan lebih mesra memanggil saya “Mansot”.

Sewaktu kecil saya suka bermain bola. Sekeliling rumah, ayah banyak menanam pokok kelapa. Di antara pokok-pokok kelapa ada tanah lapang. Setiap petang, saya mengajak kawan-kawan bermain bola di sana. Tanah ayah tidaklah terlalu besar. Terdapat hutan yang kami panggil “Hutan Cempedak” seluas tiga ekar di belakang rumah. Semak belukar di hutan tersebut membuatkan kami takut untuk mencari buah. Ayah memberitahu kami, terdapat pelbagai jenis ular seperti ular sawa dan ular tedung di sana. Ia menjadi “kawasan larangan” dan kami hanya boleh bermain bola di tempat lapang di antara pokok-pokok kelapa sahaja. Ular menjadi musuh yang sangat digeruni oleh kami. Saya mula bersekolah pada Januari 1963. Di akhir tahun 1962, saya telah meminta izin dari ayah.

“Ayah, boleh ka saya jalan kaki ke sekolah bila masuk darjah satu nanti? Saya nak ikut kawan-kawan.” Mungkin juga saya membayangkan kesukaran ayah perlu pulang dari kebun getah untuk menghantar saya ke sekolah.

Apabila mula masuk ke sekolah rendah, langkah saya menjadi “lebih panjang”. Saya bersekolah sesi petang. Ayah memberi kebenaran untuk saya berjalan kaki ke sekolah bersama dengan jiran yang lebih tua setahun daripada saya. Difikirkan semula, ibu bapa di kampung pada masa itu tidak banyak pilihan kecuali memberi kepercayaan penuh kepada anak-anak mereka, terutama apabila sampai umur mereka untuk ke sekolah.

Pada tempoh tiga tahun pertama persekolahan, saya bersekolah sesi petang. Saya dan jiran berjalan kaki seawal pukul 11.30 pagi melalui tepi jalan kereta api. Berjalan kaki bersama sejauh lebih kurang satu batu (dua kilometer) tidak terasa keletihannya. Kebiasaannya, kami berjalan di atas landasan kereta api untuk ke sekolah untuk menunjuk “keberanian” masing-masing.

Berdekatan dengan rumah kami ada satu jambatan kereta api (titi hitam) yang melintasi sungai yang mengalir ke arah Guar Chempedak. Di situlah tempat anak-anak kampung berkumpul. Anak-anak sebaya kami juga biasa

NEKAD

Mengubah Destini *dengan Izin-Nya*

NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya merupakan nukilan pengalaman peribadi kedua-dua penulis. Walaupun berlainan latar belakang, mereka mempunyai persamaan keazaman. NEKAD merentasi pelbagai bentuk cabaran dan ujian untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Mereka sedar, jika diizinkan-NYA, Allah pasti memberi petunjuk dan pertolongan dalam pelbagai bentuk, seperti yang telah dinyatakan dalam Surah At-Taghabun, Ayat 011, yang bermaksud, "Tidak ada suatu musibah yang menimpa (seseorang), kecuali dengan izin Allah; dan barang siapa beriman kepada Allah, nescaya Allah akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu"

NEKAD Mengubah Destini, dengan Izin-Nya benar-benar telah menyentuh hati dan perasaan saya. Banyak kisah mereka yang boleh dijadikan sebagai pedoman, terutama kepada pasangan keluarga muda yang meniti kehidupan kini yang semakin mencabar. Kedua-dua mereka telah berjaya dalam kerjaya masing-masing dan dapat mendidik anak-anak untuk mencontohi mereka."

*Datin Paduka Setia Dato Dr. Aini Ideris,
Mantan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia*

"Saya menganggap penulisan yang berasaskan pengalaman hidup dua cendekiawan ini merupakan pengetahuan tersirat atau *tacit knowledge* yang berguna, dan boleh dijadikan pedoman penting oleh pembaca, terutama dari kalangan anak-anak muda, dan mereka yang ingin mendapatkan inspirasi kehidupan, bila melalui pelbagai ujian dan dugaan."

*Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali,
Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia*



Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-9769 8851 / 9769 8429

Faks: 03-9769 3623

Laman Web: penerbit.upm.edu.my

E-mel: penerbit@upm.edu.my



9 786297 590981